

Blueprint
Sektor Perkhidmatan
Mac 2015

SINGKATAN

GLOSARI	DEFINISI
EPU	Unit Perancang Ekonomi
FTA	Perjanjian Perdagangan Bebas
HRDF	Human Resource Development Fund
IP	Harta Intelek
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
JCI	Joint Commission International
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
MATRADE	Malaysia External Trade Development Corporation
MIDA	Malaysian Investment Development Authority
MNC	Syarikat Multinasional
MSQH	Malaysian Society for Quality in Health
MRA	Perjanjian Pengiktirafan Bersama
MRT	Mass Rapid Transit
MSC	Koridor Raya Multimedia
NDPC	Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara
PNS	Perbadanan Nasional Berhad
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
RSE	Researchers, Scientists, Engineers
TEVT	Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional
WCGS	Skim Jaminan Modal Kerja
WTO	Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa
VDP	Program Pembangunan Vendor



PERUTUSAN

Malaysia perlu terus melaksanakan transformasi ekonomi bagi mengekalkan kepesatan pertumbuhan ke tahap yang lebih baik berbanding dekad sebelumnya. Dalam kita menuju ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi, sektor perkhidmatan akan terus menjadi sumber utama pertumbuhan, pengeluaran dan pekerjaan. Pada tahun 2014, sektor perkhidmatan menyumbang 55% kepada KDNK dan menyediakan 8 juta pekerjaan yang mewakili 61% daripada jumlah pekerjaan negara. Menjelang tahun 2020, sumbangan sektor perkhidmatan disasar meningkat kepada 58%. Oleh itu, adalah penting bagi Malaysia untuk mempercepatkan transformasi sektor yang pada masa ini bergantung kepada tenaga kerja kos rendah kepada sektor yang berasaskan inovasi dan mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi.

Sehubungan itu, Kerajaan telah merangka Blueprint Sektor Perkhidmatan bagi memudahkan perubahan struktur yang diperlukan dalam meningkatkan rantaian nilai. Blueprint ini akan menetapkan perubahan merentasi sektor perkhidmatan dengan meningkatkan pengantarabangsaan penyedia perkhidmatan, insentif pelaburan yang berkesan, pembangunan modal insan dan pembaharuan tadbir urus sektoral bersepadu. Blueprint ini telah menetapkan sasaran yang tinggi untuk menggandakan nilai ditambah setiap pekerja kepada USD36,000, meningkatkan sumbangan perkhidmatan berintensif pengetahuan kepada KDNK dan meningkatkan eksport perkhidmatan pada tahun 2020.

Bagi mencapai sasaran ini, kita sedar akan keperluan untuk memastikan pertumbuhan ini adalah benar dan inklusif. Inisiatif untuk membina kapasiti dan keupayaan PKS dalam sektor perkhidmatan akan membolehkan PKS mendapat manfaat sepenuhnya daripada liberalisasi dan integrasi serantau. Seperti yang telah ditekankan dalam pelbagai pelan pembangunan, komponen penting dalam pembangunan negara ialah modal insan. Kita perlu terus menghasilkan, menarik dan yang lebih penting, mengekalkan tenaga kerja mahir yang bekerja dalam sub-sektor

“Komponen penting dalam pembangunan negara ialah modal insan. Kita perlu terus menghasilkan, menarik dan yang lebih penting, mengekalkan tenaga kerja mahir yang bekerja dalam sub-sektor perkhidmatan berpendapatan tinggi”

perkhidmatan berpendapatan tinggi. Usaha yang diperkenalkan dalam Blueprint ini akan saling melengkapi pelan sektoral lain bagi memupuk persekitaran yang dinamik dalam perkhidmatan berintensif pengetahuan.

Blueprint ini membuktikan bahawa kita komited untuk masa hadapan yang lebih baik. Jangkauan sektor perkhidmatan sangat luas dan nikmat kemajuan sektor ini akan dirasai oleh rakyat. Justeru, bagi memastikan sasaran sektor perkhidmatan di bawah Blueprint dicapai, satu Jawatankuasa Khas Sektor Perkhidmatan akan ditubuhkan untuk mengemudi pembangunan sektor seterusnya memantau pelaksanaan pelan tindakan ini.

Dengan lahirnya Blueprint Sektor Perkhidmatan ini, saya yakin kita akan dapat meningkatkan potensi dan memanfaatkan kekuatan sektor perkhidmatan bagi mencapai matlamat untuk setaraf dengan negara maju yang lain.

1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”



Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak
Mac 2015



Malaysia telah meletakkan matlamat untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Masa semakin suntuk dan masih terdapat beberapa langkah yang perlu dilaksanakan untuk memastikan matlamat yang ditetapkan tercapai. Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah menggariskan beberapa inisiatif strategik yang akan memberi impak besar kepada ekonomi sehingga melangkaui tahun 2020. Inisiatif ini akan dirangkumkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Sektor Perkhidmatan telah melalui berbagai perubahan sejak beberapa Rancangan Malaysia, khususnya liberalisasi sektor ini pada tahun 2009. Namun, transformasi yang lebih meluas dan mencabar dijangka akan dilalui oleh sektor ini. Ini termasuk memperluaskan pengantarabangsaan penyedia perkhidmatan tempatan, mengurus insentif pelaburan dengan lebih berkesan dan menggalakkan persekitaran yang lebih dinamik untuk pembangunan modal insan di samping merangka dan melaksana strategi pembaharuan tadbir urus sektoral secara keseluruhan.

Sungguhpun sektor perkhidmatan telah mencapai pelbagai kejayaan yang membanggakan, namun masih banyak ruang penambahbaikan bagi sektor ini. Produktiviti sektor perkhidmatan boleh ditingkatkan memandangkan lebih 50% daripada jumlah nilai tambah sektor ini disumbang oleh sub-sektor yang mempunyai tahap produktiviti yang rendah. Dari sudut pelaburan, sektor ini akan menarik pelaburan yang dapat mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan berpendapatan tinggi.

Dengan adanya Blueprint Sektor Perkhidmatan ini, adalah diharapkan kita dapat merebut lebih banyak peluang yang ditawarkan dalam sektor ini seperti meningkatkan pelaburan, memperbaiki

“Sungguhpun sektor perkhidmatan telah mencapai pelbagai kejayaan yang membanggakan, namun masih banyak ruang penambahbaikan bagi sektor ini”


tahap keseluruhan produktiviti dan mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi. Ia juga memberikan kita perspektif yang lebih jelas dalam memadankan kemahiran dengan keperluan industri bagi mengukuhkan pertumbuhan sektor di masa hadapan.

Blueprint ini memberikan penekanan kepada perkongsian awam swasta bagi memastikan inisiatif-inisiatif dapat disesuaikan dengan cabaran yang dihadapi oleh sektor perkhidmatan sejajar dengan perubahan ekonomi. Sehubungan itu, Kerajaan telah menjalin kerjasama dengan pihak industri dan persatuan-persatuan dari sektor swasta semasa merangka Blueprint ini. Selain itu, organisasi antarabangsa juga turut menyumbang dalam penyediaan Blueprint ini bagi memenuhi perspektif global selaras dengan wawasan negara.

Usaha transformasi yang digariskan dalam Blueprint ini adalah proses berterusan bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia dan merangsang pertumbuhan dalam semua sektor dan negara secara keseluruhannya. Adalah diharapkan rakyat Malaysia akan mendokong aspirasi ini untuk kita terus maju ke hadapan.



Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Mac 2015



Bab 1

Ringkasan Eksekutif

RINGKASAN EKSEKUTIF

1.1 Latarbelakang

Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Bagi mencapai objektif ini, sektor perkhidmatan telah dikenalpasti sebagai komponen penting dan menjadi salah satu tonggak utama pertumbuhan ekonomi negara.

Selaras dengan matlamat ini, Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah merangka satu Blueprint terperinci yang mengandungi beberapa cadangan dasar. Walau bagaimanapun, ia akan terus menyokong program sedia ada dan akan dikemaskini selaras dengan perkembangan semasa sektor perkhidmatan. Bagi memastikan pelaksanaannya, inisiatif yang terkandung dalam Blueprint ini akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

Sektor perkhidmatan disasarkan untuk terus memacu pertumbuhan ekonomi bagi mencapai matlamat utama sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Hala tuju dasar dan cadangan untuk mengukuhkan sektor ini adalah seperti yang digariskan dalam bab seterusnya.

Blueprint ini mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh sektor perkhidmatan secara umum dan merangka strategi pelaksanaan untuk menghadapi cabaran tersebut. Cabaran yang dihadapi mengekang sektor ini dari mencapai potensi dan keupayaan untuk bersaing dengan negara maju. Cabaran yang dihadapi adalah seperti berikut:

- ▶ **Asas ekonomi:** Sektor perkhidmatan negara menghadapi pelbagai rintangan dalam mendapatkan bakat kerana kekurangan dan ketidaksepadanan kemahiran yang jelas antara graduan dan keperluan industri.
- ▶ **Ekosistem dasar:** Sektor perkhidmatan masih mempunyai tahap kawal selia yang tinggi dan menyebabkan produktiviti rendah serta meningkatkan kos menjalankan perniagaan.

▶ **Dasar penggalakan yang aktif:** Majoriti dari penyedia perkhidmatan lebih berorientasikan domestik. Hanya 66 firma perkhidmatan mengeksport perkhidmatan mereka. Selain itu, terdapat keterlihatan yang rendah merentasi agensi pengurusan insentif.

Blueprint ini telah mengenalpasti cabaran dan mencadangkan empat dasar utama (*policy lever*) bagi menghadapi cabaran tersebut:

- ▶ **Strategi pengantarabangsaan:** Terdapat keperluan yang jelas untuk pengantarabangsaan di kalangan penyedia perkhidmatan bagi memenuhi permintaan global serta terus kekal berdaya saing dan menembusi pasaran baru.
- ▶ **Insentif pelaburan:** Keberkesan insentif pelaburan dapat dipertingkatkan dengan adanya penyelesaian pusat dan pengurusan skim insentif yang pelbagai. Fokus perlu diberikan kepada kualiti, ketelusan dan penilaian yang lebih kukuh untuk skim insentif semasa dan akan datang.
- ▶ **Pembangunan modal insan:** Pelaburan ke atas bakat adalah penting dalam memastikan kejayaan sektor perkhidmatan. Langkah yang dicadangkan termasuk mempercepatkan pembangunan modal insan, mempunyai perancangan tenaga kerja yang lebih dinamik dan memupuk kerjasama antara pihak industri dengan institusi pengajian tinggi.
- ▶ **Pembaharuan tadbir urus sektoral:** Terdapat keperluan yang jelas untuk membangunkan sektor perkhidmatan. Inisiatif ini termasuk mempercepatkan pembaharuan tadbir urus dan meningkatkan ketelusan peraturan bagi menyediakan persekitaran yang berdaya saing dan menyokong perniagaan.

Cadangan Dasar

Berikut adalah cadangan dasar di bawah empat dasar utama:

1 Strategi Pengantarabangsaan	Meningkatkan pengantarabangsaan penyedia perkhidmatan	Menambahbaik capaian pasaran	<ul style="list-style-type: none"> Pendekatan rundingan yang proaktif untuk membuka pasaran baru (contoh, melalui rundingan dua hala atau pelaburan GLC di luar negara) Memudahkan urus niaga yang merentas sempadan melalui pengharmonian prinsip kawal selia dan pengiktirafan bersama kelayakan profesional
		Membina kapasiti	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan syarikat untuk meningkatkan keberkesanan eksport
		Menggalakkan eksport	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan perkongsian pengetahuan terutamanya peraturan domestik Mempertimbangkan penggunaan geran pemandangan eksport
2 Insentif Pelaburan	Pengurusan rangka kerja insentif yang efektif	Mengkaji semula rangka kerja insentif agar lebih efektif dan berdasarkan prestasi	<ul style="list-style-type: none"> Penilaian impak bagi skim insentif semasa dan baru Meningkatkan penyelarasan skim insentif melalui penggabungan di bawah satu entiti Ketelusuran melalui penerbitan dan pendedahan cukai tahunan Fokus kepada skim insentif yang menjana kualiti, berbanding jumlah pelaburan
		Mempercepatkan pembangunan modal insan	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan ketersediaan profesional bagi sektor berintensifikasi pengetahuan Membangunkan perancangan tenaga kerja yang dinamik bagi mengurangkan ketidaksepadaan kemahiran Memberi penekanan terhadap kemahiran yang paling penting bagi kejayaan dalam sektor perkhidmatan
3 Pembangunan Modal Insan	Memupuk persekitaran yang dinamik bagi perkhidmatan berintensif pengetahuan	Memudahcara akses kepada teknologi	<ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan perkongsian antara firma dan universiti, termasuk universiti luar negara Menggalakkan akses kepada teknologi pengurusan dengan memudahkan akses kepada maklumat
		Merangka & melaksanakan strategi pembaharuan tadbir urus sektor	<ul style="list-style-type: none"> Sektor keutamaan, mengambil kira keperluan teknikal dan kontekstual Jangkamasa pelaksanaan bagi mengutamakan kualiti dan halatuju pembaharuan Mengambil kira elemen yang sama dalam pelaksanaan strategi di peringkat sektor khusus
4 Pembaharuan Tadbir Urus Sektoral		Memastikan kesepadan antara peraturan domestik dan pelaksanaannya	<ul style="list-style-type: none"> Pemetaan peraturan kawal selia dan tadbir urus Pembaharuan rangka kerja keseluruhan melalui peraturan-peraturan yang dibuat

Rajah 1

Objektif Blueprint Sektor Perkhidmatan

Blueprint ini:

- ▶ Mengenal pasti punca masalah yang menyekat pembangunan sektor perkhidmatan.
- ▶ Mengemukakan strategi mendatar serta pelan tindakan untuk dilaksanakan.

1.2 Ringkasan Cadangan Blueprint

Sebanyak 29 pelan tindakan telah dikenalpasti berdasarkan empat dasar utama (Rujuk Rajah 1). Cadangan Blueprint meliputi penambahbaikan program sedia ada dan program baru yang dibangunkan mengikut tanda aras amalan terbaik di peringkat global.

Strategi Pengantarabangsaan

Matlamat utama strategi pengantarabangsaan adalah untuk meningkatkan bilangan penyedia perkhidmatan dengan ketara dan juga meluaskan capaian eksport mereka. Untuk itu, Malaysia perlu menangani jurang sedia ada dalam dua bidang iaitu keupayaan dalam dan kesediaan luaran.

Cadangan-cadangan khusus termasuk:

- ▶ **Mewujudkan perkongsian kekuatan untuk meningkatkan daya saing dalam kalangan penyedia perkhidmatan Malaysia**
 1. Program perkongsian firma besar- PKS
 2. Program penggalakkan konsortium
 3. Platform pemadanan subkontrak & perkongsian
- ▶ **Meningkatkan keupayaan merentasi kumpulan besar penyedia perkhidmatan berdasarkan kitar hayat pengantarabangsaan**
 4. Program Penerapan ICT
 5. Program latihan bagi pengekspor baru
 6. Sistem pengurusan akaun
 7. Mempertingkatkan program pembangunan francis

“Mewujudkan ekonomi berorientasikan eksport sektor perkhidmatan, terutamanya penyedia perkhidmatan PKS”



Rajah 2

- ▶ **Membuka dan mengharmonikan pasaran luar melalui rundingan G2G**
 8. Perundingan berstruktur, statistik terperinci, perunding berpengalaman dan pelaksanaan berkualiti

- ▶ **Menangani jurang pembiayaan kritikal**
 - 9. Mewujudkan skim jaminan kredit bagi Sektor Perkhidmatan
- ▶ **Penambahbaikan Dana Eksport Perkhidmatan**
 - 10. Memperkenalkan Dana Perkhidmatan Eksport yang ditambahbaik
 - 11. Meningkatkan penyampaian latihan

Insentif pelaburan

Keberkesanan mekanisma insentif akan dapat dipertingkatkan dengan meningkatkan ketelusan, menghapuskan pertindihan dan mengaitkan insentif dengan prestasi. Sehubungan itu, tiga komponen berikut perlu ditangani:

- i. penambahbaikan koordinasi;
- ii. penambahan program-program dan merapatkan jurang; dan
- iii. penekanan kepada kualiti dan prestasi KPI.

12

Cadangan khusus termasuk:

- ▶ Penambahbaikan kepada koordinasi berpusat dan pengurusan skim insentif.
 - Menambah baik penyelarasan insentif melalui penubuhan Pejabat Koordinasi & Kerjasama Insentif (ICCO).
- ▶ Memastikan kualiti & prestasi melalui penambahbaikan sistem pra-permohonan, kelulusan & pemantauan
 - Memastikan agensi memberikan keutamaan kepada KPI berkualiti semasa proses mereka bentuk program.
 - Memantau prestasi insentif secara sistematik.

“Meningkatkan pulangan pelaburan terhadap insentif semasa dan memastikan bahagian yang paling kritis mendapat sokongan sepenuhnya”



Rajah 3


Pembangunan Modal Insan

Pembangunan Modal Insan digubal bertujuan untuk menghasil, menarik dan mengekalkan modal insan berkemahiran. Sehubungan itu, lima faktor utama perlu ditangani, iaitu: i) kesediaan siswazah memenuhi keperluan industri; ii) menambah baik tenaga kerja sedia ada; iii) memanfaatkan kumpulan bakat alternatif; iv) sistem perancangan tenaga kerja yang dinamik; dan v) kualiti sistem pendidikan secara umum yang mana akan ditangani di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran.

Cadangan-cadangan khusus termasuk:

- ▶ **Meningkatkan kesediaan industri bagi graduan baru melalui:**
 - Mempercepatkan penyampaian kemahiran secara umum untuk pekerjaan.
 - Memupuk kerjasama yang lebih erat antara industri dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
 - Meningkatkan keberkesanan program penyambungan.
 - Meningkatkan profil laluan TEVT.
- ▶ **Menghapuskan ketidaksepadanan antara permintaan dan penawaran dalam pasaran buruh.**
 - Menyediakan pendekatan perancangan bersepada untuk perancangan tenaga manusia negara.
- ▶ **Meningkatkan potensi kumpulan bakat alternatif**
 - Meningkatkan potensi kumpulan bakat alternatif.
 - Memudah cara akses kepada pekerja asing yang berkemahiran tinggi.
 - Melabur dalam pembangunan / latihan

“Menepati kualiti dan kuantiti terhadap permintaan ekonomi sektor perkhidmatan yang berpengetahuan dan berpendapatan tinggi”



Rajah 4

- untuk semua pekerja.
- Menyediakan persekitaran kehidupan yang kondusif.
- ▶ **Meningkatkan tahap produktiviti dan keupayaan tenaga kerja semasa melalui:**
 - Menggalakkan PKS untuk memberi latihan kepada pekerja mereka.
- ▶ **Menangani jurang insentif yang kritikal terutama berkaitan modal insan**
 - Menyediakan biasiswa secara bersama antara Kerajaan dan menyedia perkhidmatan tempatan bagi membekalkan modal insan yang cemerlang secara berterusan.
 - Skim Insentif Penyelidikan untuk PKS.

Pembaharuan Tadbir Urus Sektoral

“Memastikan penghapusan halangan berstruktur dan peraturan lapuk untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang cekap dan fleksibel bagi sektor swasta”



Rajah 5

14

Pembaharuan tadbir urus sektoral bermatlamat untuk melahirkan persekitaran polisi yang mesra dan cekap serta jentera yang akan menyediakan persekitaran yang berkembang maju dan berdaya saing bagi membolehkan sektor perkhidmatan membangun secara positif. Sehubungan itu, dua faktor utama perlu ditangani iaitu memperbaharui peraturan yang sedia ada dan membentuk amalan terbaik peraturan-peraturan untuk masa depan.

Cadangan khusus termasuk:

- ▶ Mempercepatkan dan meningkatkan kecekapan pembaharuan tadbir urus sektor.

▶ Memastikan amalan terbaik pembangunan pengawalseliaan yang mencukupi tersedia bagi peraturan-peraturan baru dengan memperluas dan mempercepatkan penggunaan dasar nasional mengenai pembangunan dan pelaksanaan kawal selia (NPDIR).

▶ Meningkatkan ketelusan, kebolehcapaian dan peraturan mesra pengguna melalui pengenalan portal MyRegulations.



Ringkasan Cadangan Blueprint

Tuas Dasar	Penambahbaikan	Program baru
Strategi Pengantarabangsaan	<ul style="list-style-type: none"> 1.4 Program Penerapan ICT 1.7 Mempertingkatkan program pembangunan français 1.8 Membuka dan mengharmonikan pasaran luar melalui rundingan G2G 1.10 Memperkenalkan Dana Perkhidmatan Eksport yang ditambahbaik 1.11 Meningkatkan penyampaian latihan 	<ul style="list-style-type: none"> 1.1 Program perkongsian firma besar- PKS 1.2 Program penggalakan konsortium 1.3 Program pemadanan subkontrak & perkongsian 1.5 Program latihan bagi pengeksport baru 1.6 Sistem pengurusan akaun 1.9 Mewujudkan skim jaminan kredit bagi sektor perkhidmatan
Insentif Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> 2.2 Menerapkan KPI berkualiti dan berdasarkan prestasi 	<ul style="list-style-type: none"> 2.1 Penubuhan Pejabat Koordinasi & Kerjasama Insentif (ICCO)
Pembangunan Modal Insan	<ul style="list-style-type: none"> 3.2 Memupuk kerjasama yang lebih erat antara industri dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 3.3 Meningkatkan keberkesanan program penyambungan 3.4 Meningkatkan profil laluan TVET 3.5 Meningkatkan komponen sedia ada sistem perancangan tenaga manusia 3.7 Memudah cara akses kepada pekerja asing yang berkemahiran tinggi 3.8 Melabur dalam pembangunan / latihan untuk semua pekerja 3.9 Menyediakan persekitaran kehidupan yang kondusif 3.11A Mengembangkan program STAR 	<ul style="list-style-type: none"> 3.1 Mempercepatkan penyampaian kemahiran secara 'umum' untuk pekerjaan 3.6 Menyediakan pendekatan perancangan bersepadan untuk perancangan tenaga manusia Negara 3.10 Menggalakkan PKS untuk memberi latihan kepada pekerja mereka 3.11 Menyediakan biasiswa secara bersama antara Kerajaan dan penyedia perkhidmatan tempatan 3.12 Skim Insentif Penyelidikan untuk PKS
Pembaharuan Tadbir Urus Sektoral	<ul style="list-style-type: none"> 4.1 Mempercepatkan pembaharuan kawalselia sektoral 4.2 Memperluas dan mempercepatkan penggunaan NPDIR – bagi peraturan baru 	<ul style="list-style-type: none"> 4.3 Memperkenalkan portal peraturan

Rajah 6

PENGHARGAAN

Penerbitan Blueprint Sektor Perkhidmatan ini adalah hasil daripada perbincangan yang meluas, antara kerajaan dan pihak industri. UPE ingin merakamkan penghargaan kepada individu dan organisasi berikut untuk sumbangan mereka yang tidak ternilai dalam menyediakan maklum balas dan pandangan:

- Y.B. Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar
- Y.B. Datuk Seri Mustapa Mohamed
- YBhg. Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar bin Abdullah
- YBhg. Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria
- Angkasa Consulting Services
- Arup Juruunding Sdn Bhd
- Association of Banks in Malaysia
- Attorney General's Chambers (AGC)
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Board of Engineers Malaysia
- BP Healthcare Group
- Centium Software
- Clear Minds Sdn Bhd
- Construction Industry Development Board (CIDB)
- Department of Civil Aviation Malaysia
- Department of Immigration Malaysia
- Department of Statistics Malaysia
- East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)
- Gateway Options
- General Insurance Association of Malaysia
- GOTM Malaysia
- Halal Development Council (HDC)
- Hay Group
- Hijjas Kasturi Associates
- Hospital Pusrawi
- Human Resources Development Fund (HRDF)
- IBM Malaysia
- International School Kuala Lumpur (ISKL)
- Institute of Labour Market Information and Analysis (ILMIA)
- InvestKL
- Iskandar Regional Development Authority (Iskandar)
- Kementerian Pelajaran (KPM)
- Kementerian Kewangan (MOF)
- Kementerian Kesihatan
- Kementerian Sumber Manusia (KSM)
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC)
- Kementerian Pengangkutan (MOT)
- Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- Kementerian Kerjaya (KKR)
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Kementerian Komunikasi & Multimedia (KKMM)
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
- Khazanah Nasional Berhad
- Konsultant Proses Sdn Bhd
- KPJ Healthcare Berhad
- Life Insurance Association of Malaysia
- Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU)
- Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
- Malaysian Bar Council
- Malaysian Biotechnology Corporation
- Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC)
- Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE)
- Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC)
- Malaysian Institute of Accountants (MIA)
- Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
- Malaysia Productivity Corporation (MPC)

- Malaysia Ship-owners Association
- Malaysian Qualifications Agency (MQA)
- Maxis Berhad
- Microsoft Malaysia Sdn Bhd
- MIMOS Berhad
- Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDeC)
- Mutiara International Grammar School
- Northern Corridor Economic Region (NCER)
- Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd
- Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU)
- PIKOM Malaysia
- Prokhas Sdn Bhd
- Public Service Department of Malaysia
- Public Works Department (JKR)
- PWC Malaysia
- Qualitas Medical Group
- Robert Walters Malaysia
- Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDAIA)
- SAS Malaysia
- Securities Commission Malaysia
- Sime Darby Berhad
- SME Corporation Malaysia (SME Corp)
- State Planning Unit Sabah
- State Planning Unit Sarawak
- Sym World Innovation
- TalentCorp Malaysia
- Tata Consultancy Services Malaysia
- The Boston Consulting Group
- The Regional Corridor Development Authority (RECODA)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Malaysia Pahang
- Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- World Bank
- Yes 4g/YTL Corporation Berhad
- YYC Advisors Malaysia
- Zaid Ibrahim & Co.